

BAB

ENAM

BAB ENAM

PENUTUP

6.1 RUMUSAN

Setelah membincangkan tajuk ini secara menyeluruh, satu rumusan dapat dibuat bahawa komunalisme tidak berakar umbi pada zaman silam sebelum penjajahan British di India, kerana daripada sumber sejarah yang diperoleh, kerajaan silam seperti kebanyakan para pemerintah Mughal tidak memerintah berdasarkan garis komunal. Sebagai contoh, dalam peperangan menentang beberapa kerajaan Hindu pada masa itu, pasukan tentera Mughal dipimpin oleh para panglima beragama Hindu, begitu juga apabila puak Maratha memberontak terhadap kerajaan Mughal, orang-orang Islam dan Hindu bersama-sama berjuang di sebelah pihak Maratha. Walaupun tentera Maratha diketuai oleh Shivaji, seorang Hindu, tetapi dalam kempen ketenteraannya, para panglimanya terdiri daripada orang-orang Islam.

Maharaja Akhbar memupuk keharmonian beragama dengan menubuhkan ajaran *Din-i-Ilahi* yang menganggap semua agama adalah sama di mata Tuhan. Begitu juga rusuhan agama tidak berlaku pada zaman tradisional India, kerana amalan agama zaman tradisional mengutamakan prinsip-prinsip toleransi dan hidup bersama secara harmoni. Kehidupan moden atau modeniti menimbulkan implikasi

kehidupan yang serakah dan mementingkan kepentingan sendiri dan kumpulan yang diwakili. Agama dan politik mendapat tafsiran tersendiri. Kerana hubungan yang terdapat antara sekularisme dan politik yang terkeluar daripada prinsip moral, agama dimangsakan seolah-olah ia punca sebenar yang menyebabkan tercetusnya rusuhan komunal di India. Atas hubungan ini, komunalisme di India berkembang subur seiringan dengan berkembangnya kemodenan. Prinsip-prinsip toleransi daripada India tradisional seharusnya dijadikan contoh seperti yang telah ditunjukkan oleh Sir Syed Ahmad Khan dan Mahatma Gandhi yang mempromosikan toleransi, hidup secara aman damai dan saling bantu membantu di kalangan masyarakat Islam dan Hindu.

Dalam membincangkan mengenai sebab-sebab timbulnya komunalisme di India, penulis telah mengemukakan empat sebab, iaitu ekstremisme agama, politik tidak rasional, perbezaan taraf ekonomi dan warisan politik penjajah British. Keempat-empat faktor ini dikemukakan dengan mengemukakan pandangan para sarjana dan berdasarkan laporan daripada sumber penerbitan bercetak dan sumber secara *on-line*. Setelah India mencapai kemerdekaan pada 1947M, lebih kurang setahun kemudian, bapa kemerdekaan India Mahatma Gandhi ditembak mati oleh seorang Hindu fanatik bernama Nathuram Vinayak Godse. Ia menandakan bermulanya dua wajah antagonisme iaitu kumpulan nasionalis Hindu dalam RSS dengan ideologi sekularisme yang dibawa oleh Nehru. Buat beberapa dekad gerakan nasionalisme Hindu terbantut dan tidak mendapat perhatian berkesan daripada majoriti rakyat India. Kedua-dua nasionalisme Hindu dan nasionalisme

sekular bertarung bagi memenangi kuasa politik dan kuasa ideologi untuk membentuk sebuah negara India. Pertarungan peringkat awal dimenangi oleh nasionalisme sekular, di mana pemodenan India dibawa oleh *Congress* di bawah Nehru, Indhira Gandhi dan Rajiv Gandhi sehingga tahun 1980-an. Selepas ini *Congress* mulai dilanda krisis kepimpinan. Rakyat mulai muak dengan krisis kepimpinan yang tidak berkesudahan. Perdana Menteri bertukar silih berganti. *Congress* berpecah. *BJP* yang pada mulanya merupakan parti nasionalis Hindu yang berprofil rendah, mulai mendapat perhatian. Atas sifat *Congress* yang terlalu mencampuri urusan agama, kes masjid lawan kuil atau (*Ram janmaboomi - Masjid Babri*) meletus dan meletakkan *BJP* sebagai wira politik baru di mata masyarakat Hindu. Masjid Babri yang sebelumnya dikunci atas keputusan mahkamah, telah diarah dibuka semula oleh mahkamah atas muslihat politik sekular-agama (sekular tetapi dalam realiti mencampuri urusan agama) yang dianuti *Congress*. Gagasan sekularisme Nehru yang tidak mencampuri urusan agama, dirombak sedikit demi sedikit oleh Indhira dan akhirnya oleh Rajiv Gandhi. Teladan itu, diambil kesempatan oleh *BJP* dengan menggunakan agama untuk meraih simpati umat Hindu untuk kepentingan politik mereka.

Perarakan *Rath Yatra* (mengarak patung Rama) dari Somnath ke Ayodhya dipimpin sendiri oleh L.K. Advani, salah seorang pemimpin *BJP*. Beliau mengetuai perarakan replika Rama, di dampingi oleh para pemuda militan *Bajrang Dal* yang memegang alat senjata tradisional Hindu, seperti busur dan anak panah dan tombak bermata tiga. Mereka memperlihatkan lagak siap-siaga untuk menentang apa yang

dinamakan musuh agama Hindu. Di sini fahaman ekstrem agama dijadikan modal untuk meraih sokongan politik terhadap *BJP*. Pada pilihan raya berikutnya, Gujarat di mana Ayodhya terletak, menyaksikan kemenangan besar *BJP*. Mulai saat itu, *BJP* mencapai kemenangan satu persatu sehingga dapat memerintah India, dengan gabungan beberapa buah parti kecil. Masyarakat Islam yang sebelumnya menyokong *Congress* atas dasar sekularismenya, berada pada keadaan paling tidak stabil. Mereka mula dijadikan sasaran kebencian oleh penyokong *BJP*. Sentimen dan jenayah kebencian mulai timbul. Mereka dilabelkan dengan beberapa label seperti ejen Pakistan, golongan yang tidak taat setia terhadap India, orang luar (*mlechhas*) yang tidak patut berada di India dan berbagai-bagai label. Aksi menimbulkan reaksi. Rusuhan timbul di sana sini, walaupun puncanya kadangkala perkara kecil sahaja. Pemikiran masyarakat Hindu-Islam telah diracuni dengan fahaman melampau agama, politik dan ekonomi.

Rusuhan komunal di zaman India moden, sering berpunca daripada kepentingan ekonomi pihak tertentu. Masyarakat India tersusun berdasarkan empat kasta besar iaitu pendeta (*Brahmana*), pahlawan (*Ksatriya*), masyarakat tani (*Vaisya*) dan hamba (*Sudra*). Strata masyarakat India merupakan masyarakat unik dan komplikated. Kepentingan golongan elit yang berada dalam kasta atasan, sukar menerima kepentingan mereka dikurangkan untuk diagihkan kepada golongan kelas bawahan atau *Other Backward Classes (OBCs)*. Golongan elit yang berkuasa itu, baik aristokrat, ahli politik, ahli perniagaan, kakitangan kerajaan dan anggota keselamatan adalah pihak yang dikatakan turut memainkan peranan mencetuskan

rusuhan komunal, apabila kepentingan mereka terancam. Dekad lapan puluhan dan sembilan puluhan menyaksikan bumi India dipanasi oleh api kemusnahan harta benda dan dibasahi oleh darah mangsa yang tidak berdosa. Majoriti golongan miskin yang menjadi mangsa terburuk.

Warisan penjajah British berupa dasar pecah-perintah Hindu-Islam, terus wujud di zaman India moden. Muslihat, siasah dan taktik tertentu masih diamalkan oleh pihak berkuasa yang memerintah India. Kempen berdasarkan garis agama, etnik dan bahasa diamalkan. Di mana majoriti penduduk Islam, kempen bercorak pro Muslim. Di kawasan majoriti Hindu, pro Hindu dan menentang Islam. Isu agama menjadi momokan politik. Isu bahasa Urdu-Hindi juga dipolitikkan. Slogan tertentu seperti “Hindi, Hindu, Hindustan”, dipromosikan oleh RSS dan mengaitkannya dengan sejarah dan *survey* untuk mendefinisikannya dengan identiti “*Indian*” melalui hubungan bahasa, agama dan wilayah. Sesetengah kumpulan menggunakan data statistik untuk memainkan perasaan takut iaitu minoriti Muslim akan segera menjadi majoriti di India dan mengatasi serta mengalahkan golongan Hindu. Atas dasar khabar angin dan hasutan untuk menakut-nakutkan golongan majoriti itu, satu usaha telah dijalankan untuk menaikkan taraf golongan yang “Tidak boleh disentuh” (*Untouchables*) dan masyarakat puak untuk menaikkan kadar majoriti Hindu, begitu juga penentangan yang keras golongan majoriti terhadap penukaran agama kepada Islam, Buddha dan Kristian. Insiden seorang paderi Kristian dan anaknya dibakar hidup-hidup merupakan kes yang telah

berlaku. Jika gejala dan perlakuan komunal berlaku semasa pemerintahan penjajah, ia juga nampaknya diwarisi sehingga zaman India moden.

Keamanan daripada pertikaian agama, sosial, dan politik di India bergantung kepada ahli politik yang memerintah India sendiri. India harus toleh ke zaman tradisionalnya bagaimana kehidupan aman damai rakyat dapat dicapai walaupun pemerintahnya terdiri daripada berbagai kerajaan kecil yang saling bertentangan, namun kehidupan rakyat tidak terjejas berdasarkan garis komunal.

6.2 SARANAN

6.2.1 Pemimpin politik yang berkuasa dan memerintah India perlu mengambil contoh daripada kehidupan tradisi India di mana semua golongan rakyatnya hidup aman damai walaupun terdiri daripada pelbagai keturunan, etnik, agama, kepercayaan, kebudayaan, adat resam, kesenian, bahasa, pertuturan, pemakanan dan lain-lain, bagi mengembalikan keamanan, kesejahteraan sosial, memelihara serta meneruskan kegemilangan peradabannya.

6.2.2 Bagi mengelakkan mala-petaka nasional India, bercambahnya perasaan benci antara masyarakat dan jenayah akibat daripadanya, kemusnahan harta benda terutama golongan minoriti yang miskin dan kerenggangan hubungan baik sangka antara rakyat jelata, suatu langkah menyeluruh dan berkesan

wajib diambil oleh pemerintah India. India merupakan negara demokrasi terbesar dunia dengan penduduknya melebihi satu bilion jiwa dan di antaranya 120 juta penduduk Islam. Jika mala-petaka sosialnya dikurangkan - jika tidak dapat dihapuskan sama sekali - dengan mengurangkan fahaman melampau agama, politik tidak rasional dan meningkatkan pengagihan ekonomi merata di kalangan rakyatnya, nescaya India akan merupakan sebuah negara maju setanding dengan negara-negara maju yang lain. Tanpa adanya kesejahteraan dan keamanan di kalangan rakyatnya, bukan sahaja ia tidak dapat membina kemajuannya, malahan ia akan memusnahkan usaha memajukan negara yang sedang berlaku di India sekarang.

- 6.2.3 Masyarakat Hindu sebagai golongan majoriti perlu mawas diri dan berpijak di bumi nyata dengan keadaan sosial yang ada. Sebagai golongan majoriti ia patut mempromosikan perasaan baik sangka dan hidup secara harmoni antara semua golongan minoriti tidak kira apa agama, kepercayaan, etnik, bahasa, pertuturan dan adat resam yang ada di India. Golongan majoriti tidak patut mencipta slogan atau formula tertentu sebagai langkah menakutkan golongan minoriti. Kerana hidup secara harmoni adalah lebih baik daripada hidup dalam keadaan huru-hara yang tidak kunjung padam. Jika golongan majoriti menghulur tangan persahabatan, ia akan memberi kesan yang mendalam kepada golongan minoriti daripada memaksa mereka berbuat demikian kerana belum tentu ia diterima secara baik. Secara teori, memakmurkan jiran, akan memberi kebaikan kepada jiran yang satu dari

segi persekitaran yang aman daripada jenayah dan ketenangan pada fikiran. Tetapi jika sebaliknya berlaku, bukan sahaja harta benda jiran yang satu tidak selamat, malahan ia akan dihimpit perasaan bimbang dan tiada keselesaan hidup.

6.2.4 Golongan minoriti pula perlu bersifat lapang dada dan tidak bertindak “mencurahkan minyak ke dalam api”. Reaksi kepada aksi tidak menguntungkan mereka, malahan melebarkan lagi kemusnahan dan kehilangan nyawa. Apa yang patut diambil tindakan ialah menyalurkannya melalui “jawatankuasa bertindak” yang ditubuhkan dalam negeri mahupun luar negeri untuk menyampaikan masalah dan persoalan yang timbul kepada pihak berkuasa. Suara 120 juta Muslim, amat besar untuk diketepikan. Dunia hari ini mempunyai agensi di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk memantau, menaksir dan membuat perakuan terhadap sesuatu kejadian untuk diambil tindakan oleh badan dunia tersebut. Golongan minoriti juga patut bertolak ansur dalam hal sensitiviti keagamaan, budaya dan adat resam golongan majoriti demi membina perasaan berbaik sangka dan saling hormat menghormati antara satu sama lain seperti yang telah ditunjukkan oleh Sir Syed Ahmad Khan dan Mahatma Gandhi.

6.2.5 Oleh itu, peranan semua pihak seperti pihak kerajaan, kerajaan tempatan, ahli politik, golongan bangsawan, ahli perniagaan, golongan cerdik pandai, golongan pelajar, belia, ahli badan-badan sosial, kesatuan sekerja, anggota

pasukan keselamatan termasuk polis dan tentera serta orang awam keseluruhannya wajib memainkan peranan masing-masing dalam membawa keamanan dan kesejahteraan terhadap jiwa, harta benda, moral dan hubungan kemasyarakatan serta hubungan keharmonian beragama bagi seluruh masyarakat India. Jika peranan ini dapat dimainkan secara berkesan, nescaya ia dapat mengembalikan keamanan kepada bumi India yang kaya dengan peninggalan zaman silam dan peradabannya.

6.3 KESIMPULAN

Dapatan utama hasil kajian ini menunjukkan komunalisme adalah hasil perubahan politik, sosial, ekonomi, kepentingan, dan keghairahan memuaskan kehendak sendiri dan golongan yang diwakili di zaman India moden. Komunalisme juga merupakan unsur yang berkembang pada zaman moden kerana luntarnya fahaman agama sederhana, politik sihat, kepentingan ekonomi merata dan saksama dan ketidakupayaan pimpinan politik India membebaskan diri daripada warisan dasar penjajah yang membahagikan masyarakat India berdasarkan garis agama, etnik dan kasta sebagai faktor pertentangan. Fenomena zaman moden yang mengubah kehidupan tradisi yang harmoni kepada kehidupan berkepentingan sendiri dan kumpulan yang diwakili, menyemarakkan lagi fahaman komunalisme. Ia diburukkan lagi dengan peranan kelompok masyarakat yang tidak mendahulukan kepentingan nasional India atas kepentingan kelompok sendiri.

Pemikiran Sir Syed Ahmad Khan sepanjang perjuangannya tidak menunjukkan bahawa beliau seorang pemikir komunal yang mencetuskan kekacauan dan mengakibatkan berlaku perpecahan India yang membentuk negara Pakistan. Malahan beliau seorang pengamal perpaduan kaum yang sejati, terutama dari segi pengambilan kaum memasuki institusi pendidikan Aligarh yang beliau kuasai. Bagaimana beliau mengambil perhatian berat terhadap seorang pelajar Hindu yang terpaksa keluar daripada Aligarh dan belajar di tempat lain kerana perpindahan tempat kerja bapanya. Beliau hanya merasa senang setelah mengetahui pelajar berkenaan selamat belajar di tempat barunya. Sebagai mujaddid (*reformer*) sosial bagi masyarakat Islam yang banyak melakukan lawatan, ucapan beliau menyentuh tentang perpaduan antara masyarakat Hindu-Islam. Atas dasar ini ke mana saja beliau pergi, beliau diberi sambutan hebat oleh kedua-dua masyarakat itu. Seperti dijelaskan, *The Two Nation Theory*, bukanlah gagasan Sir Syed Ahmad Khan, sebaliknya adalah gagasan yang dipopularkan oleh Iqbal dan diperjuangkan oleh Jinnah. Dengan demikian, Sir Syed Ahmad Khan bukan seorang pemikir komunal dalam perjuangannya menyedarkan masyarakat India Muslim dalam bidang pendidikan moden. Manakala penentangan beliau terhadap *Congress* dan seruannya supaya masyarakat Islam tidak melibatkan diri dengannya, adalah kerana beliau berpendapat terlalu awal bagi masyarakat Islam menyertai politik, sebaliknya mereka harus menguatkan diri dalam pendidikan bagi membolehkan mereka memberi sumbangan dalam gerakan politik. Tanpa pendidikan, mereka hanya menjadi boneka kepada pihak yang lebih cerdik dan pintar. Dengan demikian, Sir Syed Ahmad Khan bukan seorang pemikir dan pengamal komunal.

Di peringkat gerakan antarabangsa, beliau juga menentang *Pan Islamic Movement*, bukan kerana kurang Islamik, tetapi melihat kepada situasi sebenar ketika itu, bahawa politik Islam berada pada tahap amat lemah, kerana kuasa di luar Islam amat kuat dalam segenap segi termasuk ekonomi, politik dan teknologi.

Mahatma Gandhi mencipta dasar perjuangannya seperti *Swaraj* (pemerintahan sendiri), *Sarvodaya* (meningkatkan taraf hidup bagi semua), *Ahimsa* (tanpa kekerasan), dan *Satyagraha* (penentangan tanpa kekerasan) merupakan adaptasi daripada simbol dan idea tradisional kepada keperluan moden. Gandhi membela golongan tertindas tanpa mengira keturunan, bangsa dan agama. Malahan beliau dituduh menyebelahi orang Islam oleh orang Hindu, dan sesetengah orang Islam menuduh Gandhi telah dipengaruhi oleh puak ekstrem Hindu, terutama setelah gerakan Khilafat gagal. Gandhi berpegang teguh kepada kepercayaan bahawa masyarakat Hindu-Islam adalah daripada satu rumpun keturunan yang berbeza hanya pada kepercayaan agama masing-masing. Agama, tidak mengajar penganutnya untuk mengambil nyawa orang lain sewenang-wenangnya. Keseriusan dan keikhlasan Gandhi menangani isu komunalisme terlihat pada keutamaan yang beliau berikan untuk menyelesaikan isu Bengal, daripada menghadiri peristiwa penting penyerahan kuasa oleh penjajah British kepada pemimpin politik India di Delhi. Hari-hari akhir hidupnya, tetap ditumpukan bagi mewujudkan keharmonian komunal dengan menghadirkan dirinya di mana-mana, menemui masyarakat Hindu dan Islam dengan menasihatkan mereka supaya hidup berbaik-baik dan mengekalkan keamanan serta hidup harmoni bagai saudara.

Kesimpulannya, komunalisme di India adalah suatu gejala zaman moden yang boleh dibendung apabila setiap golongan masyarakat, tidak kira apa pun latar belakang, agama, kepercayaan dan fahaman politik mereka bersama-sama berganding bahu dan bersising lengan bagi menyelesaikan isu komunal yang amat merugikan masyarakat India seluruhnya. Peranan utama “kepimpinan melalui teladan” perlulah dimainkan oleh pihak yang memegang kuasa di India sekarang. Perubahan melalui saluran politik, adalah lebih berkesan kerana ia akan melibatkan semua agensi, badan-badan NGO dan pemimpin masyarakat untuk menggerakkannya. Jika usaha sebegini dapat dibuat, semangat dan teladan yang telah ditunjukkan oleh Sir Syed Ahmad Khan dan Mahatma Gandhi terus hidup di bumi India.